

16/08/2003

Nilai kepemimpinan Singapura tidak lebih 3 sen

Mohd Azlan Jaafar

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal bulan ini mengumumkan kita menamatkan sebarang bentuk rundingan dengan Singapura berhubung penetapan harga air yang dijual kepada republik itu. Ia kini dibawa ke timbang tara.

Dr Mahathir juga tidak berharap Singapura terbabit dalam pembinaan jambatan baru bagi menggantikan Tambak Johor kerana ia hanya melambatkan projek yang dicetuskan olehnya pada Julai 1996.

"Saya berpendapat semangat untuk bercakap dan berunding sudah berakhir," katanya di sini selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara kerajaan dengan Gerbang Perdana Sdn Berhad, pemaju utama projek Gerbang Selatan Bersepadu (GSB) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), baru-baru ini.

Kenyataan Dr Mahathir itu sekali gus menunjukkan ketegasan Malaysia yang tidak mahu lagi diperkecilkan atau diheret republik itu dalam permainan tunggu dan lihat serta sesi `bertinju fakta'.

Penerbitan buku dan kempen media milik kerajaan Singapura berjaya mengukuhkan atau menanam propaganda bahawa bayaran tiga sen untuk 1,000 gelen air mentah berpatutan kerana ia termeterai dalam perjanjian dan Malaysia tiada hak untuk membuat sebarang kajian.

Seorang pegawai yang ditanya mengenai masalah dengan Singapura, berkata ia mencapai peringkat yang bukan lagi hanya mengenai perjanjian air, bayaran tiga sen atau RM6.50.

"Anda harus melihat kepada sejarah kenapa Singapura bertegas tidak mahu terima cadangan Malaysia," katanya.

Seperti dinyatakan Perdana Menteri, Singapura tidak akan muflis jika membayar RM6.50 untuk 1,000 gelen air, manakala pendapatan per kapita negara itu adalah empat kali ganda berbanding hanya AS\$4,000 bagi Malaysia.

Ada laporan menyatakan rizab wang negara itu mencapai AS\$200 bilion berbanding rizab negara yang hanya mencukupi untuk pembayaran luar untuk tiga bulan.

Ketika melayari laman web perbincangan republik itu, seorang warga Singapura menulis bahawa jika negara itu kekal dalam Malaysia, ia tidak akan moden dan penduduknya mungkin terpaksa memotong getah untuk mencari rezeki.

Kebanyakan kenyataan lain dalam laman itu juga memberi mesej mereka `bangsa lebih superior'. Ramai yang berkata, sejarah mengajar kita bukan saja mengenai apa yang berlaku pada masa lalu, tetapi sebagai panduan untuk masa depan.

Berdasarkan lakaran sejarah, Singapura bersama Sarawak, Borneo Utara (Sabah kini) bersetuju bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu untuk membentuk Malaysia.

Lee Kuan Yew juga bersetuju dan pungutan suara di pulau itu mendapati penduduknya menyokong Parti Tindakan Rakyat (PAP) untuk memasuki Malaysia. Pada 16 September 1963 Malaysia terbentuk dengan Singapura menjadi sebahagian Malaysia.

Dua tahun kemudian, Singapura berpisah dari Malaysia iaitu pada 1965. Antara lain alasan untuk berpisah kerana Kuan Yew berasakan Singapura lebih baik bersendirian.

Sesetengah pihak berasa punca perpisahan itu kerana Kuan Yew beranggapan beliau lebih bijak dan cekap berbanding pemimpin Melayu di Malaysia.

Mungkin selepas 37 tahun pemikiran `lebih agung' masih menebal dalam pemerintahan Singapura. Mungkin isu air dan perkara berkaitan bukan kerana bayaran RM6.50 sen tetapi bersifat `perkauman'.

Singapura bersikap tidak mahu tewas atau tunduk kepada negara jiran yang diperintah orang Melayu dan yang dipandang bangsa lemah atau tidak berkebolehan suatu masa lalu.

Adakah ini punca yang membantut penyelesaian pelbagai isu dengan pemerintah negara itu. Jika ini benar, Singapura mungkin dalam kelompok negara termaju di sebelah Timur, tetapi pemikiran "kami lebih superior" menunjukkan nilai kepemimpinan negara itu tidak lebih daripada tiga sen - harga yang dibayar untuk air mentah kepada negara ini.